



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 20 OKTOBER 2025





LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MASA BERKUALITI KUNCI KESEJAHTERAAN KELUARGA		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/19/masa-berkualiti-kunci-kejahteraan-keluarga/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	WANITA KINI PENGGERAK UTAMA EKONOMI – NORAINI		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/10/19/wanita-kini-penggerak-utama-ekonomi-noraini/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KES KANSER PAYUDARA MENINGKAT DI PAHANG - EXCO		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277686/kes-kanser-payudara-meningkat-di-pahang-exco	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2480693	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA KENA BERANI TEROKA PASARAN ANTARABANGSA - AHMAD ZAHID		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2025/10/1460751/usahawan-wanita-bumiputera-kena-berani-teroka-pasaran-antarabangsa	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WARGA EMAS STROK, DUA KANAK-KANAK DISELAMATKAN DALAM BANJIR		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/19/warga-emas-strok-dua-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-banjir/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460949/wanita-71-tahun-alami-strok-2-kanak-kanak-terperangkap-dalam-banjir	BHARIAN.COM.MY	
	sinarharian.com.my/article/753197/edisi/johor/wanita-warga-emas-strok-dua-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-banjir	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/wanita-warga-emas-kanakkanak-terperangkap-diselamatkan-x9scuxc	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BANJIR KILAT GUA MUSANG, PENDUDUK SERIK TANGGUNG RUGI		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kilat-gua-musang,-penduduk-serik-tanggung-rugi	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460907/banjir-kilat-terburuk-dalam-12-tahun	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	SEMBILAN SEKELUARGA DIUSIR KELUAR RUMAH DIPINDAHKAN KE TEMPAT SELAMAT		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/753188/edisi/johor/sembilan-sekeluarga-diusir-keluar-rumah-dipindahkan-ke-tempat-selamat	SINARHARIAN.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	POLIS MOHON KERJASAMA KESAN WANITA HILANG		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277688/polis-mohon-kerjasama-kesan-wanita-hilang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753206/berita/semasa/polis-mohon-kerjasama-kesan-wanita-hilang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2480695	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/19/polis-mohon-kerjasama-kesan-wanita-hilang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/19/police-see-public039s-help-to-locate-missing-jb-woman	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2480696	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita Kini Penggerak Utama Ekonomi – Noraini

19 October 2025

Benta Utama

PUTATAN, 19 Okt – Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata golongan wanita kini bukan sahaja memainkan peranan sebagai tulang belakang keluarga, bahkan turut menjadi penggerak utama dalam dunia keusahawanan.

Noraini yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menegaskan ramai usahawan wanita hari ini membuktikan bahawa dengan peluang, bimbingan dan sokongan yang betul, wanita mampu mencipta impak besar terhadap pembangunan ekonomi negara.



"Program seperti ini amat penting untuk memberi pendedahan tentang peluang-peluang keusahawanan. Menyediakan platform Jaringan perniagaan, memperkukuh kemahiran pengurusan dan digital serta menyuntik semangat juang dalam kalangan wanita untuk terus melangkah lebih jauh ke hadapan demi peningkatan ekonomi.

"Dengan adanya sokongan berterusan daripada agensi seperti MARA, kita bukan hanya boleh membantu wanita menambahkan pendapatan keluarga tetapi juga menjadikan mereka lebih berdaya saing, berdikari, berkembang maju dan berkeyakinan tinggi, bukan sahaja di pasaran tempatan, malah ke peringkat antarabangsa.

"Semua peserta diharapkan agar merebut peluang ini sebaik mungkin, manfaatkan ilmu dan rangkaian kemahiran yang diperolehi. Jadilah wanita berdaya saing, inovatif dan berwawasan," katanya pada program Pemerkasaan Wanita MARA dan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani, peringkat negeri Sabah, semalam.

Turut hadir, Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Ketua UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Mohamad Alamin, Ketua-ketua UMNO Bahagian Sabah dan para peserta.

Mengulas lanjut, beliau juga Ahli Parlimen Parit Sulong harap program seperti ini menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai usahawan wanita Sabah yang berjaya, yang akan mengharumkan nama komuniti dan negeri Sabah.

"Para usahawan wanita Sabah sentiasa gigih dan cekat berusaha untuk memajukan ekonomi diri. Inilah bukti kesungguhan dan keinginan para wanita di sini untuk terus menimba kemahiran baharu seiring dengan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera yang diperjuangkan UMNO sejak penubuhannya.

"Terima kasih juga kepada MARA atas peranan besar dalam membangunkan wanita melalui latihan, pembiayaan dan jaringan keusahawanan yang inklusif.

"Saya percaya para wanita akan terus menyambut cabaran ini dengan semangat dan tanggungjawab, memastikan setiap peluang yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya," jelasnya. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes kanser payudara meningkat di Pahang - Exco

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Kuantan: Jumlah kes kanser payudara menunjukkan peningkatan setiap tahun di Pahang, dengan pesakit muda direkodkan berusia 20-an, kata Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Datuk Sabariah Saidan.

Beliau berkata, kesedaran masyarakat khususnya kaum wanita terhadap kepentingan pemeriksaan awal dan saringan berkala sangat penting untuk menyelamatkan nyawa.

"Saya menyeru kaum wanita di negeri ini untuk melakukan pemeriksaan sendiri payudara (*Breast Self Examination*) setiap bulan dan mendapatkan pemeriksaan klinikal di fasiliti kesihatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2025 Peringkat Pahang di sini, hari ini.

Selain itu, beliau berkata, kaum hawa juga boleh menjalani ujian saringan mamogram yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Pahang.

Mengulas mengenai program berkenaan, beliau berkata, ia antara lain bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat selain memberikan sokongan kepada pesakit kanser.

Katanya, golongan lelaki juga perlu peka terhadap penyakit itu kerana mereka tidak terkecuali daripada risiko yang sama.

Dalam pada itu, Sabariah turut menyeru keluarga, komuniti dan masyarakat memberikan dorongan moral serta mewujudkan persekitaran yang positif untuk pesakit kanser.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usahawan wanita Bumiputera kena berani teroka pasaran antarabangsa - Ahmad Zahid

Oleh BERNAMA - Oktober 19, 2025 @ 10:08am



Ahmad Zahid berucap pada Program Pemerkaasan Wanita MARA dan Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI di Kota Kinabalu -NSTP/MOHD ADAM ARININ

KOTA KINABALU: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menyeru usahawan Bumiputera, khususnya wanita supaya berani meneroka pasaran antarabangsa melalui produk berjenama Malaysia bagi memperkukuh kedudukan ekonomi negara pada peringkat global.

Beliau berkata, Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memperkenalkan program *Gate to Global* yang memberikan peluang kepada usahawan untuk memasarkan produk mereka di luar negara menggunakan jenama tunggal yang diiktiraf di bawah agensi itu.

"Saya telah meminta Pengerusi MARA untuk mempromosikan produk-produk ini dengan satu jenama. Biar produk ini dikeluarkan secara OEM dengan satu jenama supaya pasaran dunia melihat produk itu dari Malaysia.

"Pengeluarannya siapa? Ini puan-puan yang datang dari Sabah. Barulah Sabah mantap," katanya ketika berucap pada Program Pemerkaasan Wanita MARA dan Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kerajaan memperuntukkan RM52 bilion tahun depan bagi memperkasakan sektor keusahawanan dengan penyertaan 17 kementerian, termasuk MARA yang akan menerima RM4 bilion dalam Belanjawan 2026.

Beliau berkata, tumpuan besar turut diberikan kepada usahawan wanita kerana golongan itu terbukti mempunyai disiplin tinggi dalam menguruskan perniagaan, termasuk dari segi pembayaran balik pinjaman.

"Disebutkan tadi bahawa dari segi pembayaran hutang, wanita ini lebih dipercayai daripada lelaki ... itu sebab Amanah Ikhtiar Malaysia merekodkan *non-performing loan* (wanita) terlalu kecil, 0.25 peratus sahaja," katanya.

Ahmad Zahid turut menegaskan bahawa kejayaan sektor Bumiputera tidak boleh lagi bergantung pada geran semata-mata, sebaliknya melalui pinjaman dan bimbingan berterusan agar perniagaan dapat berkembang dengan lebih mampan.

Menurut beliau, kerajaan juga menyasarkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada usahawan mikro dinaik taraf kepada kategori kecil setiap tahun, manakala lima peratus daripada usahawan kecil pula perlu melonjak ke tahap sederhana dan seterusnya tersenarai di Bursa Malaysia.

Beliau turut menggalakkan usahawan bumiputera agar menumpukan kepada sektor bernilai tinggi termasuk produk halal global yang dijangka mencecah AS\$5 trilion menjelang 2030.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Majlis penutupan program kasih keluarga sambutan bulan keluarga kebangsaan 2025 disempurnakan oleh Ketua Pengarah LPPKN, Dato Abdul Shukur Abdullah di Santubong. Foto Ezzany (TVS)

Masa berkualiti kunci kesejahteraan keluarga

By Bong Yi Sien #bm, Berita Sarawak October 19, 2025 6:08 PM

KUCHING, 19 Okt: Perhatian berkualiti ibu bapa bukan sahaja menjadikan anak-anak lebih cemerlang dalam pelajaran, malah membentuk disiplin, keyakinan diri serta jati diri yang kukuh.

Menteri pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan, masa bersama keluarga dianggap sebagai pelaburan penting untuk membentuk generasi berdaya tahan dan berakhlak mulia.

"Kajian merumuskan sekiranya keluarga meluangkan sekurang-kurangnya 10 minit ke 1 jam sehari bersama keluarga mampu meningkatkan kesejahteraan emosi, mengurangkan tekanan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan," katanya.

Beliau berkata demikian melalui teks ucapan yang dibacakan ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga negara (LPPKN) Dato Abdul Shukur Abdullah semasa majlis penutupan program kasih keluarga dan kick off sambutan bulan keluarga 2025 bersempena Santubong Day di Kuching pada Ahad.

Kata beliau, program kasih keluarga bertujuan untuk menyemarakkan nilai kekeluargaan dan mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas penting dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Nancy menyeru agar semangat kekeluargaan yang ditanam sepanjang program itu diamalkan oleh setiap keluarga serta dijadikan sebagai tunjang dalam setiap rumah tangga.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 akan diteruskan dengan pelbagai program dan aktiviti di peringkat negeri dan daerah sepanjang bulan November, dengan harapan agar mesej kekeluargaan terus disemai dalam setiap lapisan masyarakat.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anggota bomba dan penyelamat membawa keluar seorang warga emas apabila rumahnya di landa banjir di Kampung Bugis Batu 6, Penerok di Pontian disini, hari ini. Foto IHSAN BOMBA

Warga emas strok, dua kanak-kanak diselamatkan dalam banjir

Oleh MUHAMMAD ZIKRI 19 Oktober 2025, 6:54 pm

PONTIAN – Seorang warga emas wanita berusia 71 tahun yang mengalami strok bersama dua kanak-kanak diselamatkan selepas mereka terperangkap dalam banjir di Kampung Bugis, Batu 6 Penerok, di sini, pada hari ini.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pontian Baru, Pegawai Bomba Kanan I (PBK I) Mohd Hasnan Abd Rahman panggilan kecemasan mengenai kejadian itu diterima pada pukul 11.43 pagi hari ini.

Menurut beliau, sembilan anggota dari dikejarkan ke lokasi sejauh 16 kilometer.

“Setibanya di lokasi pada pukul 12.05 tengah hari, Pasukan Keluar Operasi (PKO) mendapati benar terdapat sebuah keluarga yang terperangkap akibat banjir.

“Seorang warga emas yang mengalami strok bersama dua kanak-kanak telah diselamatkan menggunakan pengusung sebelum dihantar ke Surau Batu 6 Penerok,” katanya dalam kenyataan disini, hari ini.

Menurut beliau, operasi ditamatkan sepenuhnya pada pukul 12.40 tengah hari dan tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian tersebut. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir kilat Gua Musang, penduduk serik tanggung rugi

Nasional - Dicipta: 19 Oktober 2025 02:44 PM



Foto RTM

GUA MUSANG, 19 Oktober— Penduduk di Taman Agropolitan Rantau Manis di Gua Musang, Kelantan mengaku serik untuk membeli kelengkapan rumah susulan kerap menanggung kerugian apabila kediaman mereka sering terjejas akibat banjir kilat.

Dalam kejadian terbaharu, penduduk kembali berdepan bencana banjir kilat selepas hujan lebat berterusan selama satu jam.

Seorang penduduk, Che Rosri Che Rahim berkata, sejak keluarganya mendiami kawasan berkenaan 12 tahun lalu, sudah lima kali rumah mereka berdepan bencana banjir kilat.

Katanya, anggaran kerugian yang terpaksa ditanggung keluarga akibat banjir kilat setakat ini mencecah RM20,000.

"Banjir kali ini agak besar dan ini sudah kali kelima kami menghadapinya. Kami sudah lali dan terbiasa tetapi perasaan trauma tetap ada. Ketika kejadian, air naik sehingga paras betis. Kami bina tempat yang lebih tinggi sebagai langkah berjaga-jaga, namun apabila takdir dan kuasa Allah menentukan sebaliknya, kami reda dan menerimanya dengan hati terbuka," kata Che Rosri Che Rahim.

"Setiap kali banjir kilat, kami memang perlu bersedia. Bila hujan, kami berjaga sebab air mudah masuk ke rumah melalui laluan ini. Ini sudah kali keempat, dan kali ini paling teruk berbanding sebelumnya," jelas Rokeeyoh Rahim.

"Hujan semakin lebat, bila nampak air naik, kami terus menyelamatkan barang-barang di bawah seperti kain dan keperluan lain. Barang berat memang tak mampu diangkat, jadi terpaksa dibiarkan. Trauma bila tengok air deras masuk bersama sampah," ujar Yah Omar.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani berkata sebanyak empat buah rumah terjejas teruk akibat banjir kilat melibatkan hampir 30 mangsa.

Katanya, laporan awal mengenai keluarga terlibat telah dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan susulan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sembilan sekeluarga diusir keluar rumah dipindahkan ke tempat selamat

19 Oktober 2025 04:14pm



Bahagian bawah pangsapuri yang dihuni keluarga berkenaan sejak beberapa hari lalu sebelum dipindahkan ke tempat selamat.

JOHOR BAHRU – Beberapa individu yang dilihat berlindung di bahagian bawah sebuah blok pangsapuri di Tampoi di sini kerana dipercayai diusir dari rumah, telah dipindahkan ke tempat selamat buat seketika.

Menurut Ketua Kampung Kempas, Abdul Kadir Junus, kesemua sembilan sekeluarga itu kini dalam keadaan yang baik dan menunggu masa untuk diperiksa oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

"Daripada maklumat yang saya terima, mereka semua telah tinggal di bahagian balok blok pangsapuri berkenaan selama sebulan sebelum diusir dari rumah.

"Saya pun tak tahu nak cakap macam mana tetapi atas sifat kemanusiaan, kita bersama-sama bawa keluarga ini ke satu tempat yang selamat, sentiasa dipantau serta ada makan dan minum.

"Pihak JKJ sebelum ini ada mengambil serba sedikit maklumat awal mengenai mereka ini dan Selasa ini mereka akan dipantau sekali lagi sebelum diserahkan kepada pihak Imigresen (Jabatan Imigresen Malaysia), berhubung soal-soal dokumentasi," katanya kepada Sinar Harian.



Gambar keluarga berkenaan yang tular di media sosial baru-baru ini.

Pada Sabtu, tular video serta gambar beberapa individu termasuk kanak-kanak dilihat berlindung di bahagian bawah blok sebuah pangsapuri.

Sementara itu Abdul Kadir berkata, berdasarkan percakapan ibu tersebut, dia bukan warganegara Malaysia tetapi merupakan warga Indonesia dan tidak bekerja.

Katanya lagi, wanita tersebut memberitahu suami pertamanya berasal dari Sabah dan ada di sekitar Johor namun tidak dapat dikesan seperti suami keduanya.

"Buat masa ini kita tempatkan keluarga ini di tempat yang selamat. Pihak JKJ akan melakukna pemeriksaan lanjut pada Isnin.

"Setelah itu, keluarga tersebut diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tindakan selanjutnya terutamanya untuk proses dokumentasi," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis mohon kerjasama kesan wanita hilang

BERNAMA



FOTO hiasan

Johor Bahru: Polis memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang wanita berusia 20 tahun yang dilaporkan tidak pulang ke rumah setelah keluar pada 1.30 pagi, hari ini.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, individu yang dikenali sebagai S Dhurgashri itu mempunyai ketinggian 155 cm dan berat sekitar 45 kilogram.

Beliau berkata, wanita itu mempunyai rambut lurus berwarna coklat, berkulit cerah, bentuk mata yang kecil dan berwarna hitam serta memiliki kening yang agak tebal serta bentuk badan yang kurus.

"Sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat terhadap individu berkenaan yang alamat terakhirnya di Taman Puteriwangsa, Ulu Tiram itu boleh berhubung dengan pegawai penyiasat Insp Muhd Hafizuddin Zakaria di talian 07-218 2323.

"Orang ramai juga boleh berhubung terus dengan mana-mana balai polis yang berhampiran," katanya dalam kenyataan, hari ini.